

Pertemuan Abdullah, Blair bincang isu Iraq

LONDON 23 Julai - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya Tony Blair membincangkan pelbagai perkara terutama mengenai isu-isu antarabangsa, khususnya mengenai Iraq, pada pertemuan mereka No. 10 Downing Street pada Khamis.

Abdullah berkata kedua-dua negara bersetuju bahawa keadaan keselamatan di Iraq sangat penting memandangkan ia merupakan syarat asas untuk mengadakan pilihan raya di negara yang musnah dalam peperangan itu bagi membolehkan rakyat memilih kerajaan.

Ia lebih penting lagi apabila ramai penduduk Iraq sendiri tidak puas hati dengan kerajaan sementara, katanya pada sidang media di Hotel Dorchester di Park Lane di sini. Sidang media itu dihadiri media British dan Malaysia yang membuat liputan lawatan tiga hari Abdullah ke United Kingdom.

Abdullah tiba di Lapangan Terbang Heathrow beberapa jam sebelum itu selepas menamatkan lawatan ke Perancis.

"Ia akan menjejaskan peluang sebenar penduduk Iraq untuk memilih

haluan mereka jika pilihan raya yang dijadual berlangsung pada Januari depan ditangguhkan," katanya.

Abdullah juga ditanya mengenai keputusan Kuala Lumpur untuk menghantar pasukan perubatan tentera ke Iraq dan sama ada selamat berbuat demikian berikutan kebimbangan mengenai keselamatan ekoran serangan-serangan terhadap pasukan tentera asing.


"Doktor tentera kita lebih bersedia untuk melindungi diri mereka sendiri di Iraq," katanya.

Abdullah juga berkata Malaysia tidak akan menghantar pasukan pengaman ke Iraq memandangkan pasukan perubatan sudah memadai dan lebih bermakna.

Ditanya bila pasukan itu akan dihantar, Perdana Menteri berkata tempoh masa terbaik untuk menghantar pasukan itu tidak ditetapkan namun usaha sedang dilakukan untuk melakukannya secepat mungkin.

Beliau juga berkata penghantaran pasukan pengaman akan membebaskan kewahagan Malaysia.

Abdullah juga berkata isu dua hala juga dibincangkan semasa pertemuan bermakna itu.



ABDULLAH Ahmad Badawi diiringi Tony Blair setibanya di kediaman rasmi Perdana Menteri Britain itu di London, semalam. — Gambar AP

Beliau berkata ekonomi Malaysia berkembang baik dengan mencatatkan pertumbuhan 7.6 peratus pada tempoh suku pertama dan kira-kira lebih 7 peratus diyakini dapat dicapai pada tempoh suku kedua.

Pada Jumaat, Abdullah mengadakan pertemuan dengan pemimpin utama sektor perniagaan British dan menyampaikan ucap-tama mengenai cabaran dan prospek bagi Malaysia dalam alaf ini.

Abdullah juga dijadual melawat Pusat Islam London untuk menyampaikan sumbangan kerajaan berjumlah 10,000 pound untuk menjalankan aktiviti keagamaan.

Abdullah akan menunaikan solat Jumaat dan bertemu, pemimpin utama Islam di United Kingdom lewat hari ini.

Perdana Menteri juga akan merasmikan Malaysia Hall yang baru pada Sabtu sebelum berlepas pulang pada sebelah malam-Bernama